

KL, Jakarta setuju laluan hijau tingkat perdagangan

Program bakal memudahkan perjalanan pegawai tinggi kerajaan, pelabur dua negara


Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia dan Indonesia setuju secara prinsipnya untuk melaksanakan skim laluan hijau timbal balik (RGL) bagi meningkatkan perdagangan antara kedua-dua negara, kata Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri Muhammad Shahrul Ikram Yaakob.

Bagaimanapun, katanya, program RGL atau di Indonesia dikenali sebagai *corridor travel arrangement* memerlukan susulan lanjut bagi memperincikan prosedur operasi standard (SOP) untuk pelaksanaan.

"RGL ini akan dilaksana apabila pihak kesihatan Malaysia dan Indonesia selesa bila masanya sesuai untuk dilaksanakan. Ia (RGL) bukan terbuka kepada semua, tapi untuk memudahkan perjalanan pegawai tinggi kerajaan, pelabur dari Malaysia dan Indonesia serta meningkatkan perdagangan nilai tinggi," katanya dalam temu bual melalui skype oleh *BERNAMA TV*, semalam.

Beliau mengulas hasil lawatan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ke Indonesia bagi mengadakan pertemuan em-



Muhyiddin ketika mengadakan sidang media dengan wartawan Malaysia selepas mengakhiri lawatan rasmi dua hari ke Indonesia, di Jakarta kelmarin.

(Foto BERNAMA)

pat-mata dengan Presiden Indonesia, Joko Widodo (Jokowi), kelmarin.

Antara perkara yang dibincangkan kedua-dua pemimpin negara adalah berkenaan isu diskriminasi terhadap minyak sawit.

"Malaysia dan Indonesia adalah pengeluar utama minyak sawit dunia, yang mana dalam konteks Malaysia kita ada 600,000 pekerja dalam industri ini.

"Jika tidak ditangani secara bersama dengan baik, kesannya kurang. Jadi kedua-dua pemimpin bersetuju untuk lebih kesepakatan dan memperkukuhkan platform sedia ada seperti melalui Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC)," katanya.

Selain itu, katanya, kedua-dua

"Ia (RGL) bukan terbuka kepada semua, tapi untuk memudahkan perjalanan pegawai tinggi kerajaan, pelabur dari Malaysia dan Indonesia serta meningkatkan perdagangan nilai tinggi.

Muhammad Shahrul Ikram Yaakob,
Ketua Setiausaha
Kementerian Luar

pemimpin turut membincangkan mengenai isu alam sekitar seperti masalah jerebu dan setuju untuk menanganinya secara bersama. Bagaimanapun, perlu ditekankan bahawa walaupun para pemimpin setuju, ia bukan bermaksud semua masalah selesai tetapi ia memerlukan tindakan susulan di peringkat menteri dan jawatankuasa kerja.

Indonesia adalah rakan dagang kesembilan terbesar Malaysia di peringkat dunia dan ketiga terbesar dalam kalangan negara-negara ASEAN.

Pada 2020, perdagangan dua hala antara kedua-dua negara berjumlah RM66.17 bilion (AS\$15.7 bilion), manakala Malaysia adalah pelabur kedua terbesar di Indonesia sebanyak AS\$1.04 bilion.